

24 JUL 2001

Jantina-Pindaan

PINDAAN MENGENAI DISKRIMINASI JANTINA DISAMBUT BAIK

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Pelbagai organisasi hari ini menyambut baik langkah kerajaan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menghalang jantina dijadikan alasan bagi diskriminasi.

Setiausaha Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) Kamaruddin Mohamed Baria berkata ini merupakan langkah utama dalam mengiktiraf prinsip asas hak asasi manusia bahawa semua manusia dilahirkan bebas dan mempunyai maruah dan hak yang sama.

"Suhakam berharap pindaan perlembagaan ini akan mengambil kira cadangan Suhakam bahawa perbuatan diskriminasi didefinisikan sebagai sebarang tindakan diskriminasi yang mendatangkan kesan (dan bukan hanya niat sahaja) berdasarkan jantina," katanya dalam satu kenyataan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata Perlembagaan akan dipinda bagi mengesahkan kedudukan wanita sebagai rakan yang sama taraf dalam kemajuan dan pembangunan negara.

Kamaruddin berkata kerajaan juga perlu mengambil pelbagai langkah untuk menggabungkan prinsip Perlembagaan baru dan tiada diskriminasi ini ke dalam semua undang-undang domestik dan mekanisme lain bagi membolehkan wanita mendapat manfaat sepenuhnya daripadanya.

Presiden Pertubuhan Bantuan Wanita Meera Samanther berkata undang-undang lain yang mendiskriminasi wanita perlu disemak semula selaras dengan cadangan pindaan itu.

"Terdapat keperluan untuk mengkaji undang-undang berkaitan kewarganegaraan, keluarga, keganasan rumahtangga, pembantu rumah asing, rogol dan gangguan seksual," katanya.

Beliau berkata kerajaan patut membangunkan strategi holistik dan pelbagai bagi menghalang dan membasmi semua bentuk diskriminasi terhadap wanita.

Timbalan Pengerusi Kebangsaan DAP Karpal Singh berkata bagi keseragaman dan penekanan, Perlembagaan negeri-negeri di negara ini juga patut memasukkan peruntukan serupa, terutama bagi memastikan kakitangan awam tidak didiskriminasi berdasarkan jantina.

"Pejabat Peguam Negara perlu menjalankan kajian mendalam terhadap semua undang-undang dan dasar sedia ada agar cadangan pindaan itu akan memberikan kesan dan semangat terhadap cadangan kerajaan itu yang patut disambut baik oleh semua orang," katanya.

-- BERNAMA

RZS AU RHM